

PANDUAN MEMILIH PASANGAN

Sesungguhnya bahagiannya rumah tangga, lahirnya anak yang baik dan cerdas, serta kekalnya kehidupan rumah tangga adalah terletak kepada pemilihan suami isteri yang baik. Pemilihan itu mestilah dilakukan dengan penuh rasa sedar, tidak dipengaruhi oleh perasaan yang bergolak atau keinginan untuk memperolehi maslahat tertentu yang bersifat sementara. Pemilihan itu mestilah berasaskan dasar yang kukuh dan akan bertambah kukuh dari semasa ke semasa.

MENCARI SIFAT-SIFAT YANG DITUNTUT PADA PASANGAN

- Agama yang sahih (betul) dan akhlak yang mantap

تُنَكِّحُ الْمَرْأَةَ لِأَرْبَعٍ: لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَلِجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا، فَاطْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرَبَّتْ يَدَاكَ

“Wanita dinikahi kerana empat perkara; kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya, maka pilihlah wanita yang taat beragama, nescaya engkau beruntung.”

- Keturunan

Kita disunatkan memilih pasangan yang baikm keturunannya. ini dapat membantu membina kehidupan rumah tangga yang berkekalan. Seseorang yang lahir dari keturunan yang baik berkemungkinan besar mempunyai pergaulan yang baik kerana orang berketurunan baik akan melahirkan generasi yang berakhlak mulia.

- Tidak berkahwin dengan saudara terdekat (kaum kerabat)

Imam Syafie menjelaskan seseorang lelaki tidak digalakkan berkahwin dengan saudaranya yang terdekat. walaubagaimanapun, perkahwinan seumpama ini tidaklah dicela dan hukumnya harus.

- Sekufu -persamaan antara calon suami dan isteri

=Beragama dan baik

=Pekerjaan

=Tidak mempunyai kecacatan yang boleh menyebabkan berlakunya fasakh dalam perkahwinan.

- Perawan (masih dara)-Nabi SAW menggalakkan untuk berkahwin dengan perawan.

عَلَيْكُمْ بِالْأَبْكَارِ، فَإِنَّهُنَّ أَغْذَبُ أَفْوَآهَا، وَأَنْتَقُ أَرْحَامًا، وَأَرْضَى بِالْيَسِيرِ

“Hendaklah kamu mengahwini anak dara. Ini kerana mereka lebih baik perkataannya, lebih subur rahimnya dan lebih redha dengan yang sedikit”. (al-Albani menilai sebagai hasan dalam al-Silsilah al-Sahihah)



Jabatan Agama Islam Negeri Perak

MELIHAT BAKAL ISTERI

- Sunat bagi seseorang lelaki melihat perempuan yang ingin dikahwininya sebelum peminangan. Syarak membenarkan lelaki tersebut melihatnya tanpa meminta kebenaran dan tanpa pengetahuannya supaya dia tidak berhias terlebih dahulu.

نُظِرَ إِلَيْهَا فَإِنَّهُ أُخْرَى أَنْ يُؤَدَّمَ بَيْنَكُمَا

Maksudnya: "Lihatlah perempuan itu dahulu kerana ia akan lebih mengekalkan kasih sayang antara kamu berdua."

Riwayat al-Tirmizi (1087)

- Hukum melihat perempuan ajnabi (bukan mahram)
Haram melihat mana-mana anggota badan perempuan dewasa yang bukan mahramnya tanpa tujuan.]
- Bilakah lelaki boleh melihat perempuan yang bukan mahram?
 1. Untuk keperluan perubatan.
 2. Ketika berjual beli
 3. Untuk penyaksian sama ada ketika menjadi saksi atau ketika memberi keterangan kerana penyaksian.
 4. Ketika pembelajaran

MELIHAT BAKAL ISTERI

Apabila seseorang lelaki benar-benar tertarik dengan sifat-sifat baik seseorang wanita serta timbul keinginan untuk berkahwin setelah melihat wanita tersebut, kini tibalah masa untuk meminang.

Meminang bermaksud seseorang lelaki menyatakan keinginannya untuk berkahwin kepada wanita yang ingin dikahwininya.

- Bilakah pinangan dihalalkan dan bila diharamkan
 1. Meminang dihalalkan secara tasrih (terus terang) atau ta'rid (membayangkan) jika perempuan itu bukan isteri orang, tidak berada dalam edah dan bukan perempuan yang haram dikahwini sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini.
 2. Dihalalkan meminang secara ta'rid (membayangkan) sahaja jika perempuan yang ingin dipinang berada dalam edah kematian suami atau edah disebabkan talak bain.